PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) tidak berubah pada 3.50% pada suku ketiga 2008. Paras semasa kadar dasar ini sejajar dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dan inflasi yang dijangka sederhana pada tahun 2009.

Pada masa yang sama, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 3.49% - 3.51%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil pada suku ketiga.

Pada 24 November, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% dan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) sebanyak 50 mata asas kepada 3.50%. Berikutan pengurangan OPR, kadar antara bank semalaman lebih rendah dalam julat kecil 3.24% – 3.25% bagi tempoh 25 hingga 27 November. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga lebih rendah.

Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72% pada suku ketiga. Sebaliknya, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul menurun kepada 5.96% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 6.08%) mencerminkan persaingan sengit khususnya dalam segmen pengguna dan ambilan pinjaman yang berterusan daripada kemudahan pinjaman yang diluluskan sebelum ini yang telah dipersetujui pada kadar lebih rendah.

Kadar disebut purata bagi deposit tetap (fixed deposit, FD) oleh bank perdagangan untuk tempoh pemegangan antara 1 hingga 12 bulan secara relatif tidak berubah, masing-masing dalam lingkungan antara 3.08% hingga 3.70% pada akhir suku ketiga. Walau bagaimanapun, kadar FD benar bertukar menjadi negatif sejak bulan Mei disebabkan oleh inflasi yang lebih tinggi.

Kadar Faedah

	2007	2008	
	S3	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	3.50	3.50
Kadar antara bank			
Semalaman	3.50	3.50	3.50
1 bulan	3.54	3.56	3.56
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.72	6.72	6.72
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.30	6.08	5.96
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.15	3.14	3.14
12 bulan	3.70	3.70	3.70

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia (Pada suku tahunan, RM juta)



M3 terus meningkat

Wang secara luas atau M3 berkembang sebanyak RM13.7 bilion pada suku ketiga atau pada kadar tahunan sebanyak 13.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 14%). Pertumbuhan M3 disokong oleh pengembangan kredit yang berterusan, mencerminkan kadar permintaan sektor swasta yang mampan. Kesan pengembangan terhadap M3 juga disumbangkan oleh perbelanjaan Kerajaan yang meningkat, manakala aliran keluar modal bersih menyebabkan penurunan dalam aset asing bersih Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan, yang seterusnya mengakibatkan kesan penguncupan terhadap wang secara luas.

M1, iaitu ukuran baki urus niaga, bertambah pada kadar tahunan sebanyak 14.9% pada akhir bulan September. Mata wang dalam edaran meningkat berikutan peningkatan permintaan semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri, yang lebih daripada mengimbangi penurunan kecil dalam deposit permintaan.

Pembiayaan kasar sektor swasta terus kukuh

Meskipun perkembangan pasaran kewangan antarabangsa merosot dengan ketara, sistem kewangan domestik Malaysia, yang beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang teguh, terus menyediakan pembiayaan. Pembiayaan kasar keseluruhan oleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah mapan pada RM179.3 bilion pada suku ketiga (S2 08: RM181 bilion). Meskipun pengeluaran

Agregat Monetari



Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	S3 07	S4 07	S1 08	S2 08	S3 08
	RM bilion				
M3	**15.6**	**28.5**	**51.6**	**14.7**	**13.7**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	10.6	8.5	0.9	-5.1	14.6
Tuntutan terhadap sektor swasta	32.9	-3.6	17.1	25.8	33.3
Pinjaman	*30.6*	*-3.4*	*16.6*	*23.2*	*25.7*
Sekuriti	*2.3*	*-0.2*	*0.5*	*2.7*	*7.6*
Operasi luar bersih[1]	-21.7	21.1	45.8	2.9	-57.8
BNM	*-7.6*	*7.2*	*52.5*	*15.9*	*-32.2*
Sistem perbankan	*-13.5*	*14.0*	*-6.7*	*-13.0*	*-25.6*
Pengaruh lain	-6.7	2.4	-12.2	-8.9	23.6

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2007	S3 07	S2 08	S3 08	2007	S2 08	S3 08
Jumlah pembiayaan kasar	**648.9**	**172.5**	**181.0**	**179.3**	**17.4**	**14.3**	**4.0**
Pengeluaran pinjaman*	575.3	159.3	162.4	168.1	10.6	18.7	5.5
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	66.5	12.1	16.9	9.0	116.4	-17.7	-25.3
Ekuiti	7.1	1.1	1.7	2.2	272.0	62.4	93.9
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**84.0**	**31.7**	**40.8**	**30.4**	**10.7**	**14.1**	**13.4**
Sistem perbankan	59.7	30.0	26.2	29.5	9.3	12.0	11.3
Pinjaman terkumpul (A)	*51.2*	*30.4*	*24.3*	*26.8*	*8.6*	*11.7*	*10.6*
Pegangan PDS	*8.5*	*-0.3*	*1.9*	*2.6*	*17.6*	*14.1*	*19.9*
PDS terkumpul (B)	32.7	1.4	16.5	3.5	17.1	21.5	22.9
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	69.4	12.1	19.7	11.0	78.4	-6.0	-8.8

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

pinjaman oleh institusi perbankan bertambah, terbitan baharu sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terjejas oleh sentimen pasaran yang lemah, terutama pada bulan Julai. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang 13.4% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 14.1%).

Jumlah pengeluaran pinjaman pada suku ketiga terus mencatat pertumbuhan tahunan positif, disumbangkan terutamanya oleh sektor perniagaan. Pembiayaan kepada PKS mencakupi 40% daripada jumlah pengeluaran pinjaman perniagaan. Pinjaman kepada sektor perniagaan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan; dan sektor borong, runcit, restoran dan hotel. Pertumbuhan permohonan dan kelulusan pinjaman perniagaan yang lebih perlahan pada suku itu mencerminkan permintaan terhadap pembiayaan modal kerja yang berkurangan. Dengan pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi pada suku ketiga, pinjaman terkumpul sektor perniagaan meningkat dengan kadar yang lebih

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



sederhana sebanyak 9.5% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 14.3%).

Pada suku ketiga, pengeluaran pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat terutamanya untuk pembelian harta kediaman. Oleh itu, pinjaman terkumpul sektor isi rumah meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.1% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 8.9%). Permohonan dan kelulusan pinjaman menjadi sederhana sedikit pada suku ketiga, mencerminkan terutamanya permintaan untuk pinjaman kereta penumpang dan pinjaman peribadi yang lebih rendah.

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2007	S3 07	S2 08	S3 08	2007	S3 07	S2 08	S3 08
Jumlah								
Permohonan pinjaman	457.5	123.2	128.1	136.0	52.1	55.4	7.2	10.4
Kelulusan pinjaman	298.6	74.4	80.4	78.2	58.6	58.3	-3.4	5.1
Pengeluaran pinjaman	575.3	159.3	162.4	168.1	10.6	24.1	18.7	5.5
Bayaran balik pinjaman	518.7	123.9	139.7	145.6	8.5	5.2	13.5	17.6
Perubahan baki pinjaman*	51.2	30.4	24.3	26.8	8.6	9.4	11.7	10.6
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	262.6	68.3	64.8	74.8	63.1	60.5	-10.1	9.5
Kelulusan pinjaman	181.5	41.1	40.9	39.4	88.4	79.1	-24.0	-4.2
Pengeluaran pinjaman	405.8	113.9	115.5	120.6	9.7	24.6	19.8	6.1
Bayaran balik pinjaman	370.3	86.2	99.2	104.3	5.3	-0.4	13.4	21.0
Perubahan baki pinjaman*	24.4	23.8	14.0	14.1	10.3	14.8	14.3	9.5
PKS**								
Permohonan pinjaman	99.1	28.7	28.4	29.1	38.8	47.0	18.8	1.4
Kelulusan pinjaman	55.1	16.2	15.9	13.9	37.1	55.6	11.0	-14.7
Pengeluaran pinjaman	141.7	36.1	41.3	43.2	5.6	5.4	17.9	19.9
Bayaran balik pinjaman	126.8	31.0	35.8	38.2	3.5	1.3	12.4	23.0
Perubahan baki pinjaman*	9.5	2.8	3.3	2.6	9.1	7.5	11.4	11.0
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	163.5	39.5	36.4	45.6	82.4	71.9	-24.5	15.4
Kelulusan pinjaman	126.4	24.8	25.0	25.5	125.2	98.8	-36.7	2.8
Pengeluaran pinjaman	264.1	77.8	74.3	77.6	12.1	36.0	20.8	-0.3
Bayaran balik pinjaman	243.5	55.2	63.4	66.1	6.2	-1.3	14.0	19.8
Perubahan baki pinjaman*	15.0	21.0	10.8	11.5	11.3	20.6	16.7	8.4
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	194.9	54.9	63.3	61.2	39.4	49.5	33.4	11.4
Kelulusan pinjaman	117.1	33.3	39.4	38.8	27.3	38.4	34.5	16.5
Pengeluaran pinjaman	169.5	45.4	46.8	47.3	12.8	22.9	16.3	4.2
Bayaran balik pinjaman	148.5	37.7	40.5	41.4	17.3	20.7	13.9	9.8
Perubahan baki pinjaman*	24.5	8.1	8.6	9.8	7.4	7.2	8.9	9.1

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2007	S3 07	S2 08	S3 08		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**405.8**	**113.9**	**115.5**	**120.8**	**71.9**	**41.7**
Syarikat besar	*264.1*	*77.8*	*74.3*	*77.6*	*46.2*	*24.2*
*PKS**	*141.7*	*36.1*	*41.3*	*43.2*	*25.7*	*17.5*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	14.1	4.1	4.3	4.2	2.5	2.2
Perlombongan dan kuari	2.0	0.4	0.8	0.5	0.3	0.3
Perkilangan	134.9	34.7	39.8	40.5	24.1	11.8
Pembinaan	32.6	8.3	8.7	8.7	5.2	4.9
Harta tanah	12.3	3.2	3.6	4.0	2.4	3.43
Bekalan elektrik, gas dan air	1.3	0.3	0.5	0.3	0.2	0.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	91.5	23.8	29.6	31.6	18.8	8.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	32.1	19.6	4.0	7.9	4.7	3.2
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	45.7	10.0	15.0	13.3	7.9	6.4
Isi rumah	**169.5**	**45.4**	**46.8**	**47.3**	**28.1**	**53.3**
Pembelian harta kediaman	39.9	10.8	12.0	12.2	7.3	25.4
Kredit penggunaan	109.4	29.1	30.1	29.9	17.8	21.5
Antaranya:						
Kad kredit	*57.9*	*15.0*	*14.4*	*14.8*	*8.8*	*3.3*
Pembelian kereta penumpang	*27.8*	*7.8*	*9.6*	*9.0*	*5.3*	*13.9*
Lain-lain	20.2	5.4	4.8	5.2	3.1	6.5
Jumlah	**575.3**	**159.3**	**162.4**	**168.1**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal lebih rendah

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM6.6 bilion pada suku ketiga (S2 08: RM23.7 bilion).

Dana bersih yang diperoleh sektor awam lebih rendah disebabkan oleh penebusan sekuriti kerajaan yang besar. Dana kasar yang diperoleh berjumlah RM14.8 bilion. Dana diperoleh melalui terbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 5-tahun dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 20-tahun, dan juga melalui pembukaan semula MGS 3-tahun dan 10-tahun.

Dalam sektor swasta, dana kasar yang diperoleh daripada pasaran PDS berjumlah RM11 bilion (S2 08: RM19.7 bilion). Pengurangan dana yang diperoleh disebabkan terutamanya oleh sentimen yang lemah dalam pasaran PDS, berikutan cukai durian runtuh (windfall tax) yang dikenakan terhadap Pengeluar Kuasa Bebas (Independent Power Producers). Walau bagaimanapun, sentimen pasaran bertambah baik berikutan penarikan balik cukai durian runtuh tersebut. Sebahagian besar daripada dana diperoleh syarikat dalam sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Mengikut tujuan, sebahagian besar terbitan PDS adalah bagi membiayai pelaburan baharu (76%) dan pembiayaan semula hutang sedia ada (6%). Pada suku ketiga, terdapat juga dua terbitan oleh dua syarikat bukan pemastautin berjumlah RM500 juta.

Sementara itu, dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti meningkat kepada RM2.2 bilion (S2 08: RM1.7 bilion). Sejumlah besar dana diperoleh melalui terbitan hak (RM1.5 bilion), manakala bakinya (RM700 juta) diperoleh melalui lima tawaran awam awal (initial public offerings, IPO); dua di Papan Utama dan tiga di Papan Kedua. Pada asas bersih, dana yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM5.9 bilion pada suku ketiga.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM juta				
Oleh Sektor Awam	**13,038**	**(5,946)**	**10,633**	**11,016**	**680**
Sekuriti Kerajaan, *bersih*	13,424	(5,552)	10,633	10,533	1,688
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*9,924*	*14,048*	*14,283*	*7,033*	*11,337*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*3,000*	-	*2,000*	*3,500*	*3,500*
Tolak: Penebusan	*3,500*	*19,600*	*5,650*	-	*13,149*
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	(1,000)	(1,000)
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	(386)	(394)	-	1,483	(8)
Oleh Sektor Swasta	**(510)**	**6,513**	**1,827**	**12,666**	**5,915**
Saham	1,136	3,819	1,101	1,697	2,201
Sekuriti Hutang, *bersih*	(1,645)	2,694	726	10,969	3,714
Sekuriti Hutang Swasta	*12,057*	*28,746*	*9,996*	*19,709*	*11,001*
Cagamas	-	-	-	-	-
Tolak: Penebusan	*13,072*	*26,052*	*9,270*	*8,740*	*7,287*
Jumlah	**12,528**	**567**	**12,460**	**23,682**	**6,595**

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih (31 Disember 2007 - 30 September 2008)



Sumber: Bloomberg

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon meningkat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM160.7 bilion pada suku ketiga (S2 08: RM153.2 bilion). Sekuriti Kerajaan (MGS dan GII) mencakupi 92% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, MGS merupakan kertas paling cair, mencatat nisbah kecairan sebanyak 0.69, diikuti oleh GII dengan nisbah kecairan sebanyak 0.22.

Kadar hasil MGS kekal tinggi pada bulan Julai dan Ogos berikutan jangkaan bahawa inflasi akan meningkat. Namun, menjelang bulan September, kadar hasil mula menurun apabila jangkaan terhadap inflasi reda. Tambahan pula, kegawatan kewangan global yang semakin meruncing mengakibatkan pelabur memindahkan pelaburan mereka kepada pelaburan yang memberikan hasil. Pelabur mengalihkan pelaburan mereka daripada pasaran ekuiti kepada pasaran bon, mengakibatkan kadar hasil terus menurun. Pada akhir bulan September, MGS 3, 5 dan 10-tahun masing-masing jatuh sebanyak 29, 23 dan 28 mata asas.

KLCI merosot

Pada suku ketiga, KLCI ditutup lebih rendah memandangkan kebanyakan pasaran serantau terjejas oleh kegawatan kewangan global. Prestasi lemah pasaran tempatan terutamanya disebabkan oleh kebimbangan tentang kegawatan kewangan yang meruncing di AS dan Eropah, di samping penurunan harga minyak sawit mentah. KLCI ditutup lebih rendah pada suku ketiga pada 1,018.7 mata (S2 08: 1,186.6 mata). Permodalan pasaran menurun kepada RM770.5 bilion

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2007		2008		
	S3	S4	S1	S2	S3
Indeks Harga					
Komposit	1,336.3	1,445.0	1,247.5	1,186.6	1,018.7
FBM30[1]	8,413.5	9,343.7	8,232.9	7,656.7	6,577.7
FBMEMAS[2]	8,997.5	9,810.8	8,423.7	7,900.4	6,755.9
Papan Kedua	105.8	-	-	-	-
Mesdaq	122.9	-	-	-	-
FTSE Papan Kedua	6,945.0	6,732.4	5,884.6	5,535.6	4,978.8
FTSE Mesdaq	6,624.1	6,109.2	4,923.2	4,404.8	3,968.3
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,326.7	1,268.5	930.4	570.3	437.0
Nilai (RM juta)	2,176.3	1,898.7	2,035.2	1,324.3	893.3
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,031.3	1,106.2	952.3	901.2	770.5
Bilangan syarikat yang disenaraikan	1,001	987	989	986	981

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2007				2008					
	S3		S4		S1		S2		S3	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	84,908	139,127	78,648	117,720	53,962	118,044	35,927	83,429	27,965	57,172
Antaranya:										
Papan Utama	62,201	127,213	50,667	106,134	36,488	111,552	28,347	80,553	23,195	55,867
Antaranya:										
Produk Pengguna	1,904	5,069	1,752	4,777	931	3,622	891	2,999	903	2,874
Produk Industri	7,223	11,812	4,906	8,213	3,409	7,002	3,341	6,271	3,507	4,981
Pembinaan	6,338	15,975	3,486	9,748	4,722	13,820	3,326	6,427	2,995	5,855
Dagangan/Khidmat	17,798	43,370	15,545	38,069	10,383	38,521	9,165	28,490	6,950	19,311
Kewangan	4,309	19,752	3,728	17,445	3,391	21,975	2,992	18,139	1,812	9,155
Harta Benda	13,361	14,211	7,300	7,814	4,234	5,027	3,054	3,442	2,500	1,802
Perladangan	1,738	7,542	2,177	9,658	2,262	13,866	1,528	9,922	1,723	9,166
Infrastructure	2,221	4,388	1,408	4,694	1,148	3,671	952	2,960	511	1,912
Papan Kedua	6,836	5,265	7,254	4,707	4,098	3,038	2,403	1,825	1,983	919
Mesdaq	9,022	5,268	6,139	3,050	5,621	2,438	2,519	858	1,412	331

Sumber: Bursa Malaysia

(S2 08: RM901.2 bilion) dan aktiviti urus niaga berkurang kepada purata harian sebanyak 437 juta unit (S2 08: 570.3 juta unit).

Pada 27 November 2008, KLCI ditutup pada 870.0 (sejak akhir tahun 2007: -39.8%), dengan permodalan pasaran yang lebih rendah pada RM659.3 bilion (sejak akhir tahun 2007: -40.4%).

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Julai - 30 September 2008)



Dolar AS menjadi kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang

Dalam keadaan kemelut kewangan global yang berterusan, dolar AS bertambah kukuh disebabkan terutamanya oleh proses pembayaran balik hutang yang berlaku dalam pasaran kewangan antarabangsa. Pelupusan *carry trades* turut berlaku dengan pantas, mengakibatkan mata wang berhasil tinggi bertukar arah dengan ketara, khususnya dolar New Zealand dan dolar Australia. Berlatarkan keadaan ini, ringgit menyusut nilai sebanyak 5.5% berbanding dengan dolar AS dan 7.3% berbanding dengan yen Jepun pada suku ketiga. Walau bagaimanapun,

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S3 07	S2 08	S3 08	21 Jul 05	S3 07	S2 08
US dollar	3.8000	3.4170	3.2665	3.4575	9.9	-1.2	-5.5
Euro	4.6212	4.8410	5.1565	4.9636	-6.9	-2.5	3.9
Paun sterling	6.6270	6.9167	6.5114	6.2254	6.5	11.1	4.6
100 yen Jepun	3.3745	2.9649	3.0749	3.3154	1.8	-10.6	-7.3
Dollar Singapura	2.2570	2.2916	2.3995	2.4153	-6.6	-5.1	-0.7
100 baht Thai	9.0681	9.9723	9.7435	10.154	-10.7	-1.8	-4.0
100 peso Filipina	6.8131	7.5992	7.2759	7.3159	-6.9	3.9	-0.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0373	0.0354	0.0367	5.3	1.9	-3.4
100 won Korea	0.3665	0.3726	0.3128	0.2846	28.8	30.9	9.9
Renminbi China	0.4591	0.4548	0.4764	0.5051	-9.1	-10.0	-5.7

*(+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang yang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai

ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (4.6%) dan euro (3.9%) ketika wujudnya tanda-tanda pertumbuhan ekonomi yang makin perlahan di negara-negara Eropah. Berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau, ringgit mengalami penyusutan nilai dalam julat 0.5% hingga 5.7%, tetapi menambah nilai sebanyak 9.9% berbanding dengan won Korea. Trend ini berterusan pada bulan Oktober dan menjadi stabil menjelang akhir bulan November.

Pada tempoh 1 Oktober hingga 27 November 2008, ringgit terus menyusut nilai berbanding dengan dolar AS (-4.5%) dan yen Jepun (-12.8%), tetapi menambah nilai berbanding dengan paun sterling (11.8%) dan euro (6.1%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.9% hingga 24.1%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-4.7%), peso Filipina (-1.2%) dan baht Thailand (0.8%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau

